

# Dr. Mahathir boleh kemuka bukti kepada kerajaan - Najib

Oleh FAUZI JAAFAR

KUALA LUMPUR 14 Ogos - Kerajaan memberi ruang kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad mengemukakan bukti terus kepadanya berhubung isu kononnya Malaysia yang ingin menjual pasir kepada Singapura.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, beliau (Dr. Mahathir) boleh berbuat demikian jika bimbang pendedahannya itu dikenakan tindakan di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA).

"Kita nak tengok dulu bukti apa yang Tun Dr. Mahathir ada. Sebenarnya perk, makna-

nya ia akademik.

"Saya tidak tahu sama ada bukti itu di bawah OSA. Kalau dia (Dr. Mahathir) takut nak dedahkan, dia boleh hantar kepada kita dulu," kata beliau.

Bercakap pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Agung Khas Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Ke-58 di sini hari ini, beliau menegaskan kerajaan telah memutuskan projek jambatan lurus menggantikan Tambak Johor tidak diteruskan lagi.

Najib berkata demikian ketika diminta mengulas dakwaan Dr. Mahathir baru-baru ini yang beliau sanggup bersumpah di masjid kerana mempunyai bukti bahawa Malaysia

yang sebenarnya ingin menjual pasir kepada Singapura.

Dr. Mahathir pada Sabtu lalu berkata, surat tawaran tersebut ada pada Kerajaan Malaysia semasa mesyuarat antara kedua-dua negara bagi membincangkan pembinaan jambatan lurus menggantikan Tambak Johor.

"Tunjuklah surat itu, jangan sembunyikan di bawah OSA, ini bila tanya, oh tunjuk bukti... tunjuk bukti. Kalau kita nak tunjuk bukti, mereka kata itu melanggar OSA," kata Dr. Mahathir.

Najib berkata, walau apa pun dakwaan Dr. Mahathir, kerajaan tetap berpegang kepada kenyataan bahawa tawaran membeli pasir itu dibuat oleh Singapura.

"Perkara nak jual pasir ini tak jadi. Perkara ini akademik. Kerajaan dah memutuskan tak jual pasir dan tak bagi ruang udara," katanya.

Ditanya sama ada Dr. Mahathir akan menutup mulut jika jambatan menggantikan Tambak Johor diteruskan atau sebaliknya Najib berkata, Kabinet telah memutuskan bahawa projek itu dibatalkan.

Najib berkata, ini kerana akan wujud komplikasi undang-undang jika projek jambatan tersebut diteruskan.

Pada satu soalan berhubung tindakan yang boleh dikenakan jika UMNO bahagian menjemput Dr. Mahathir berceramah, Najib berkata, ia masih belum diputuskan di peringkat pucuk pimpinan.

Beliau yang juga Timbalan Presiden UMNO berkata, ini kerana Dr. Mahathir masih merupakan ahli UMNO dan perjumpaan dibuat untuk ahli parti itu.

Beliau juga menyerahkan kepada Lembaga Disiplin parti untuk meneliti sebarang bentuk tindakan terhadap mana-mana UMNO bahagian yang menjemput bekas Perdana Menteri itu menghadiri persidangan perwakilan.

"Tetapi kami (UMNO) akan lihat perkembangannya," kata beliau.

Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Petaling Jaya Utara Sabtu lalu menjemput Dr. Mahathir memberi ceramah pada satu majlis sempena persidangan perwakilannya.